

23/02/2003

Rakyat teruskan sokongan: Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat negara ini terus memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha bersungguh-sungguh beliau memperjuangkan keamanan dunia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha Dr Mahathir dalam menyedarkan masyarakat dunia mengenai pentingnya mengekalkan keamanan sejagat wajar mendapat sokongan padu rakyat negara ini.

Beliau berkata, usaha Perdana Menteri itu dapat dilihat daripada usaha Malaysia menganjurkan Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Kuala Lumpur yang sedang berlangsung serta ketegasan Dr Mahathir menyuarakan pendiriannya terhadap pentingnya menjamin keamanan dunia.

"Kempen Sejuta Tandatangani yang mendapat sambutan menggalakkan daripada setiap lapisan masyarakat juga sebagai bukti tambahan bahawa rakyat negara ini sememangnya mencintai keamanan," katanya di majlis Malam Aman Malaysia di laman Menara Berkembar Petronas, di sini semalam.

Malam Aman Malaysia itu dianjurkan oleh Yayasan Seni Karya Prihatin Malaysia bagi menunjukkan sokongan yayasan itu terhadap Kempen Aman Malaysia dengan turut mendapatkan tandatangan daripada beberapa persatuan seni lain.

Turut hadir di majlis itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Endon Mahmood dan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Presiden Yayasan Seni Karya Prihatin Malaysia, Erma Fatima.

Sempena majlis itu, Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Ahmad Rejal Arbee turut menyerahkan kepada Abdullah sejumlah 691 tandatangan yang dikumpul daripada kalangan kakitangan Berita Harian Sdn Bhd dan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP).

Selain itu, turut menyerahkan tandatangan sempena kempen itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3), Ahmad Farid Ridzuan.

Antara persatuan seni yang turut menyerahkan tandatangan masing-masing ialah Persatuan Karyawan Malaysia, Persatuan Sutradara Malaysia, Persatuan Pekerja-Pekerja Filem Malaysia, Persatuan Penulis Malaysia dan Persatuan Gafim.

Sempena majlis itu, pelbagai acara diadakan seperti nyanyian, bacaan puisi, pementasan drama pendek berkaitan keamanan dan peperangan yang dipersembahkan oleh pelajar Sekolah Sri Cempaka.